

Buruh diarah kerja kebajikan 3 bulan

Lelaki mohon ringan hukuman kerana perlu tanggung keluarga

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Seorang buruh diperintah melakukan kerja kebajikan selama tiga bulan oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, semalam, atas kesalahan mencuri pelbagai barangan termasuk ubat gegat di sebuah pasar raya di Cheng di sini, minggu lalu

Majistret Mazana Sinin memerintahkan tertuduh, Mohd Halim Harun, 52, melakukan kerja kebajikan itu dua jam sehari selama tiga bulan selepas menimbang rayuan, fakta kes dan hujah pihak pendakwaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mencuri pelbagai barang termasuk ubat gegat, mi segera, pakaian dalam dan pelindung kecantikan wajah bernilai RM83.82 milik Pasar Raya Lotus Cheng pada jam 9.15 malam 5 Mac lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 10 tahun dan denda.



Mohd Halim dibawa ke Mahkamah majistret Ayer Keroh, semalam. (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Mengikut fakta kes, tertuduh didapati beredar melepasi kaunter bayaran bersama 11 barangan milik pasar raya berkenaan yang disedari pembantu pengurus pasar raya.

Lelaki itu juga didapati memasukkan barangan antaranya dua pek mi segera, pakaian dalam, ubat gegat dan pelindung kecantikan wajah ke dalam beg sandang sebelum dia ditahan di pintu keluar pasar raya terbabit kerana tidak membuat bayaran.

Dalam rayuannya, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan kerana

hanya bekerja tukang pasang kanopi dan perlu menanggung lima anak yang masih bersekolah berusia lapan hingga 19 tahun, selain isteri tidak bekerja.

“Yang Arif saya pohon ampunan maaf...Saya mencuri kerana duit tak cukup untuk beli barang seperti mi segera lain-lain. Barangan ini untuk keperluan rumah,” katanya dalam nada sebak ketika ditanya majistret mengapa mencuri.

Timbalan Pendakwa Raya Sharina Farhana Nor Sa'ari memohon hukuman setimpal diberikan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan masyarakat.